

Headline **Hidu 'bau' hutan tropika di KLIA**
Date **07 Jan 2010**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Ekonomi**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,917 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **23**
Article Size **212 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **4,497**
PRValue **13,491**



UMUM mengetahui Hutan Hujan Tropika adalah warisan kebangsaan negara yang tidak ternilai, justeru, usaha 'meletakkan' ia di depan pintu masuk negara adalah strategi yang paling tepat untuk memperkenalkan warisan kita di mata dunia.

Moto, 'Hutan dalam Lapangan Terbang dan dan Lapangan Terbang dalam Hutan' sememangnya mempunyai keunikan kerana tanpanya tidak mungkin Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) akan diiktiraf untuk dianugerahkan pensijilan 'Green Globe' untuk sekian kalinya.

Walaupun dengan teknologi moden, usaha untuk mewujudkan hutan hujan tropika daripada pokok renek sehingga pokok dengan ketinggian melebihi 20 meter seberat 0.5 tan, tetap memberikan cabaran kepada Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) dan Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (Frim).

Peluang meneroka hasil pembangunan teknologi hijau ini, kini dibuka di

Hidu 'bau' hutan tropika di KLIA



PENUMPANG boleh menghirup udara segar hutan hujan tropika di Jungle Broadwalk di KLIA.

ruang legar terminal satelit KLIA bagi membolehkan penumpang menghirup udara segar hutan hujan tropika sebelum terbang meninggalkan Malaysia.

Jungle Broadwalk yang dibuka semasa perasmian kawasan niaga baru hasil Projek Pengoptimuman Peruncitan Satelit (SROP) dua minggu lalu, cukup mempesonakan sebagai kawasan pelancongan baru yang wajib di singgah ketika sampai atau sebelum berlepas.

Kawasan yang menjadi pusat kepada terminal satelit ini cukup mengagumkan apabila menawarkan dua dunia berasingan antara kemajuan dan hutan tebal yang dipisahkan dengan hanya pintu gerbang serta dinding kaca.

Bau asli hutan hujan tropika berjaya dikekalkan daripada 4,500 pokok dan tumbuhan ditambah dengan ketenangan yang terhasil daripada kicauan burung yang mendiami pokok di sekitar ruang itu cukup

untuk melenyapkan bunyi kapal terbang di luar kawasan berkenaan.

Kawasan seluas 1,300 meter persegi turut dilengkapi air terjun buatan manusia dan setiap pokok diberikan nama bagi memastikan pelawat mudah mengenali warisan hutan yang menjadi harta kepada Malaysia ini.

Setiap pokok dipilih dari hutan Rembau dan Senawang berdasarkan ketahanannya yang kemudian ditanam menggunakan teknik 'transplanting' bagi memastikan ia mudah menyesuaikan diri pada persekitaran bandar.

Ketika operasi penanaman, sebanyak 20,000 meter kubik tanah hutan digunakan bagi memenuhi kawasan hab berkaca itu yang mempunyai ketinggian tujuh meter dari tanah.

Segala-galanya adalah usaha dan tanggungjawab bersama antara MAHB dan Frim bagi memastikan pembangunan ekonomi negara tidak meminggirkan pembangunan ekologi warisan Malaysia.

DAVID KHOO | BERITA HARIAN